

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL



Penagih dadah perlu diberi peluang sertai program pemulihan untuk kembali menyumbang kepada masyarakat.
(Foto hiasan)

Lebih baik rawat, pulihan penagih daripada dipenjara

**Guna kaedah
kesihatan awam
tangani masalah
disifatkan sebagai
'penyakit kronik'**

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) berharap pendekatan terhadap pesalah dan penagih dadah di negara ini, ditangani menerusi rawatan dan pemulihan berbanding kaedah semasa yang lebih menjurus ke arah penguatkuasaan dan pemenjaraan.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata ia berikutan penagihan dadah adalah sejenis 'penyakit kronik' yang perlu ditangani dengan kaedah lebih berkesan, berbanding pendekatan hukuman yang menyebabkan pengguna dan penagih dadah terperangkap dalam proses undang-undang.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan sebarang usaha yang menuntut individu ditangkap kerana menagih dan menyalahgunakan dadah, ditangani menerusi pendekatan kesihatan awam.

"Kita tahu penjara bukan tempat untuk diberikan rawatan dan rehabilitasi kepada pengguna dan penagih dadah, sebahagian

mereka terpaksa diasingkan di pusat rawatan serta pemulihan yang boleh merencatkan tahap kefungsiannya mereka sebagai anggota masyarakat produktif.

"Pengamal perubatan di pusat pemulihan dan tahanan berdepan cabaran apabila pesalah bergelut dengan gejala sindrom tarikan akibat penagihan dadah atau kerencatan mental dan fizikal akibat dadah yang digunakan.

"Ini menyebabkan kesukaran bagi membentuk pelan rawatan dan perubatan yang berkesan serta memenuhi kehendak perundangan, menghalang rawatan dan pemulihan yang sesuai, selain melewatkan proses perundangan.

"Hasilnya, prognosis penyakit bertambah buruk dan sistem pengadilan dan perundangan pula bertambah sesak," katanya berucap pada Simposium Psikiatri Penagihan dan Forensik Malaysia di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden dan Pro Naib Canselor Monash University Malaysia, Prof Datuk Adeeba Kamarulzaman.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha menegaskan, usaha untuk menangani isu salah guna dan penagihan dadah perlu dilaksanakan menerusi pendekatan pelbagai disiplin dan kementerian, khususnya membabitkan kerjasama

antara KKM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Bagaimanapun, katanya, KKM menerusi Program Sub Kepakaran Psikiatri Penagihan dan Forensik perlu memainkan peranan penting dalam rawatan perubatan dan pemulihan pengguna dan penagih dadah.

Baiki sistem rujukan kes

Beliau turut mencadangkan sistem rujukan kes yang lebih interaktif antara perkhidmatan psikiatri penagihan dan forensik dengan pemegang taruh lain diwujudkan bagi memastikan tiada isu keciciran pesakit.

"Kita harus sedar dan mengaku bahawa ada banyak jurang harus ditangani antara penguatkuasaan perundangan dan rawatan perubatan bagi mereka yang menggunakan dadah.

"Intervensi pencegahan dan rawatan perubatan dalam komuniti yang lokal dan berselerak juga menjadi cabaran kepada intervensi yang ingin dilaksanakan dalam pusat pemulihan dan tahanan.

"Cabaran lain dari sudut perundangan harus juga diatasi bagi memastikan penyaluran, kesinambungan dan kelestarian rawatan dan pemulihan diberikan, dan rawatan dengan pendekatan berasaskan komuniti boleh menjadi pemangkin perubahan yang dikehendaki," katanya.



Dr Zaliha Mustafa

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Kurang jururawat punca hospital swasta sesak

Kuala Lumpur: Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) mengakui berlaku kesesakan di hospital swasta disebabkan kekurangan jururawat bukannya susulan peningkatan kemasukan kes Influenza seperti dilaporkan beberapa media.

Presiden APHM, Datuk Dr Kuljit Singh mengakui beberapa hospital swasta di Semenanjung, Sabah dan Sarawak menyaksikan peningkatan kemasukan pesakit yang dijangkiti influenza A, namun kadar itu tidak di tahap membimbangkan sehingga menjejaskan kemasukan pesakit lain.

"Secara umumnya, hospital swasta menyaksikan peningkatan kemasukan pesakit yang mendapatkan rawatan untuk pelbagai penyakit kronik mahupun bukan kronik serta kecemasan.

"Selepas pandemik, permintaan untuk penjagaan kesihatan meningkat, kami tidak melihat ia disebabkan COVID-19 tetapi mungkin kerana tempoh perin-

tah kawalan pergerakan yang panjang sehingga menjadi punca kurangnya penjagaan atau pemantauan kesihatan diri.

"Kami di hospital swasta mengalami masalah kekurangan kakitangan, terutama dalam bidang kejururawatan sehingga menghalang kami daripada meningkatkan kapasiti katil di pusat kesihatan.

"Permintaan kepada kerajaan sudah dibuat beberapa kali untuk mengambil jururawat swasta asing bagi memenuhi keperluan

semasa masih belum membuahkan hasil," katanya dalam kenyataan semalam.

Jefas tempoh rawatan

Sebelum ini, sebuah portal melaporkan APHM mengeluarkan amaran bahawa katil di hospital kini mula dipenuhi sehingga menjejaskan tempoh pemberian rawatan kepada pesakit.

Menurut laporan itu, untuk Julai sahaja ia menyaksikan peningkatan kemasukan pesakit dan penggunaan katil yang mem-

bimbangkan dengan sebahagian besar krisis itu disebabkan wabak influenza sedang melanda negara.

Portal itu turut mendedahkan, terdapat beberapa individu yang sukar untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta walaupun mempunyai perlindungan insurans selain terpaksa menunggu berjam-jam lamanya untuk mendapatkan bilik bagi anaknya yang dijangkiti influenza.

Dr Kuljit berkata sekiranya COVID-19 kembali menular dengan mutasi lebih tinggi, pihaknya masih boleh menguruskan keadaan itu dan mempunyai kapasiti yang mencukupi.

Namun, Dr Kuljit berharap orang ramai dapat mengambil langkah untuk mencegah penularan jangkitan saluran pernafasan termasuk COVID-19 dan influenza A, dengan memakai pelitup muka ketika berada di kawasan sesak, kerap membersihkan tangan serta mengelakkan sentuhan daripada orang lain.

Permintaan kepada kerajaan sudah dibuat beberapa kali untuk mengambil jururawat swasta asing bagi memenuhi keperluan semasa masih belum membuahkan hasil

Dr Kuljit Singh,
Presiden APHM



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

KKM rampas 93 botol air didakwa zam zam

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) merampas sejumlah 93 botol air didakwa zam zam bernilai lebih RM3,000 dalam operasi khas membabitkan dua serbuan berasingan di Petaling Jaya serta Kuala Lumpur, minggu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata hasil maklumat daripada beberapa aduan diterima, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) KKM melakukan siasatan dan risikan terperinci sehingga membawa kepada penemuan premis yang menjalankan aktiviti penjualan serta pengedaran air didakwa zam zam.

"Satu operasi serbuan khas dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Selangor pada 23 Ogos lalu. Sebanyak 10 botol (lima liter) air zam zam bernilai RM1,600 dirampas, dan satu notis kesalahan bawah Peraturan 360A (2) Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dikeluarkan. Lokasi premis itu adalah sebuah pejabat pengurusan di Petaling Jaya, Selangor.

"Operasi khas turut dilan-

kan di Kuala Lumpur pada 25 Ogos lalu oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Pejabat Kesihatan Cheras. Dalam operasi terbabit, seorang individu didapati menjual produk air zam zam secara tidak sah di premis perniagaan persendirian.

"Sebanyak 83 botol (41.5 liter) bernilai RM2,075.00 disita, dan satu notis kompaun RM3,000 dikeluarkan kepada individu terbabit disebabkan kesalahan bawah Peraturan 360A Peraturan-Peraturan Makanan 1985," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Muhammad Radzi berkata, KKM mengambil serius aduan diterima daripada orang ramai melalui beberapa sumber, termasuk media sosial, berhubung penjualan air didakwa zam zam yang berleluasa kebelakangan ini.

Larangan jual air zam zam

Katanya, isu larangan penjualan air zam zam yang disiarkan *Buletin TV3* pada 2020 pernah tular dalam media sosial, malah

KKM menasihati orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dan membeli air yang dilabel sebagai air zam zam dalam pasaran tempatan kerana dikhuatiri tiruan.

Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan



KKM mengeluarkan kenyataan akhbar Ketua Pengarah Kesihatan bagi menjelaskan larangan penjualan air zam zam dalam pasaran serta isu air zam zam tiruan pada 6 Januari 2020 dan kali terakhir kenyataan berke-

naan ialah pada 1 Julai 2022.

Beliau menjelaskan, air zam zam dikategorikan sebagai air mineral semula jadi dan termaktub bawah Peraturan 360A Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

"Pengimportan air mineral semula jadi memerlukan lesen punca air KKM setelah mendapat dokumen pengesahan pihak berkuasa geologi dan hidrologi dari negara pengeksport.

"Dalam kes ini, didapati Kerajaan Arab Saudi tidak mengeluarkan pengesahan itu kerana air zam zam tidak boleh dieksport dan diperdagangkan," katanya.

Dr Muhammad Radzi memaklumkan hasil aktiviti penguatkuasaan sejak 2012 hingga kini, nilai rampasan ke atas air zam zam dalam pasaran adalah berjumlah RM63,618.20.

Selain itu, katanya, KKM turut menjalankan saringan berterusan ke atas platform dalam talian (online), termasuk e-dagang.

"Sejumlah 32 iklan berkaitan penjualan air zam zam telah dipadamkan daripada pelbagai

platform e-dagang. Hasil pemantauan dalam media sosial sejak 2021 hingga kini pula, sebanyak 63 iklan air zam zam telah dipadamkan daripada media sosial.

"Bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, mana-mana orang yang disabitkan kesalahan menjual air minuman berbungkus dan air mineral semula jadi yang tidak berlesen, boleh dikenakan denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun," katanya.

Beliau berkata, KKM menasihati orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dan membeli air yang dilabel sebagai air zam zam dalam pasaran tempatan kerana dikhuatiri tiruan.

"KKM juga memberi amaran dan melarang penjualan air zam zam dalam semua platform sama ada secara fizikal mahupun dalam talian. Mana-mana peniaga atau pengedar yang masih ada stok air zam zam, diarah menghentikan serta-merta penjualan dan seterusnya menghancurkan untuk tujuan penyitaan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

KKM fokus dwi rawatan penagih

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) memfokuskan penyaluran dwi-rawatan berbentuk perubatan dan psikoterapi bagi mengatasi masalah berkaitan penggunaan dan penagihan dadah.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, menerusi Program Sub-kepakaran Psikiatri Penagihan dan Psikiatri Forensik, ia akan mewujudkan ekosistem rawatan pemulihan yang lebih bermaruah kepada penerima rawatan.

"Akses yang lebih mudah kepada rawatan dan pemulihan termasuklah penekanan terhadap *community-based approach* adalah antara perkara yang perlu ditekankan.

"Integrasi antara agensi penguat kuasa, badan perundangan dan organisasi anti dadah pula mampu memperkukuh kredibiliti organisasi terlibat

dalam hal perundangan dan pembanterasannya salah laku dadah atau jenayah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian 1st Malaysian Addiction and Forensic Psychiatry Symposium, di sini semalam.

Menurut beliau, pertembungan antara penagihan dan forensik adakala menyebabkan kesukaran bagi membentuk pelan rawatan yang berkesan.

"Pertembungan ini selalunya bermula di fasiliti perubatan, mahkamah dan pusat tahanan.

"Pengamal perubatan sering berdepan dengan keperluan membuat penilaian ke atas penagih dadah yang ada pendakwaan undang-undang.

"Mereka berdepan cabaran pesalah yang bergelut dengan gejala penarikan atau kerencatan fizikal dan mental akibat dadah," ujarnya.



KAEDAH perubatan dan psikoterapi adalah cara terbaik untuk mengatasi ketagihan dadah. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

'Penagih perlu dirawat, bukan dipenjara'

Penjara bukan tempat
rawat penagih kerana
ia boleh merencatkan
masyarakat produktif

KUALA LUMPUR

Penagihan dadah adalah sejenis 'penyakit kronik' yang perlu ditangani melalui rawatan dan pemulihan bukannya menerusi kaedah tahanan atau pemenjaraan, kata Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata, penjara bukan tempat untuk memberikan rawatan kepada penagih dadah dan ini boleh merencatkan tahap kefungsiannya sebagai masyarakat yang produktif.

"Penjara bukanlah jalan akhir untuk 'mendidik' individu yang terjerumus dengan salah laku dadah," katanya berucap merasmikan Simposium Psikiatri Penagihan dan Forensik Malaysia Pertama 2023 di sini pada Isnin.

Beliau berkata, apa yang perlu ialah memberi penekanan berbeza dari sudut kesihatan awam untuk rawatan dan pemulihan penagih dadah.

Katanya, perlu diakui terdapat banyak jurang serta cabaran yang harus ditangani antara penguatkuasaan perundangan dan rawatan perubatan untuk mereka yang menggunakan dadah dan cara terbaik hendaklah difikirkan dalam



FOTO: BERNAMA

Dr Zaliha (kiri) ketika gimik Majlis Perasmian '1st Malaysian Addiction and Forensic Psychiatry Symposium' di Bukit Damansara pada Isnin.

penyelesaian perkara itu.

Dr Zaliha berkata, selain cabaran dari sudut perundangan, terdapat juga cabaran di pusat pemulihan antaranya melibatkan penagih yang bergelut dengan gejala seperti sindrom tarikan atau kerencatan fizikal dan mental disebabkan dadah.

"Ini menyebabkan kesukaran bagi membentuk pelan rawatan yang berkesan...ia juga menghalang rawatan dan pemulihan yang sesuai untuk dimulakan dan pada masa sama melewatkan proses perundangan.

"Hasilnya prognosis penyakit akan bertambah buruk dan sistem pengadilan dan perundangan pula akan bertambah sesak," katanya.

Beliau berkata, dari sudut perundangan pula, sistem perundangan dan rawatan yang bersandarkan pendekatan berasaskan komuniti boleh menjadi pemangkin perubahan yang dikehendaki.

Dalam masa sama, katanya pengamal perubatan dan kesihatan mental juga perlu menitik beratkan pengetahuan dan kemahiran klinikal serta keprihatinan terhadap amalan perundangan untuk memastikan ketepatan penilaian perubatan yang akan membantu proses perundangan.

Sementara itu, Simposium Psikiatri Penagihan dan Forensik Malaysia berkenaan merupakan hasil kerjasama Badan Kebajikan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Kuala Lumpur yang merangkumi perbincangan bersama pakar dari dalam dan luar negara untuk meningkatkan kefahaman mengenai Ketagihan dan Forensik Psikiatri.

Simposium itu diadakan selama dua hari bermula Isnin dengan membawa tema 'Navigating Roadblocks Recapturing Life'. - Bernama

Ibu hamil terima vaksin Tdap mulai tahun depan - KKM

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memperkenalkan pemberian vaksin kombinasi tetanus-difteria-pertussis (Tdap) kepada semua ibu hamil di Malaysia pada tahun hadapan.

Menerusi kenyataan pada Isnin, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, inisiatif baharu ini melibatkan peruntukan tahunan sebanyak RM25 juta bagi meliputi anggaran 500,000 ibu hamil.

Menurutnya, langkah tersebut bertujuan mengurangkan risiko jangkitan pertussis terutamanya dalam kalangan bayi berumur bawah lima bulan.

"Pemberian vaksin Tdap kepada ibu hamil akan beri perlindungan kepada bayi bermula dari dalam kandungan sehingga bayi lahir dan dapat lengkapkan tiga dos primer vaksin pertussis pada umur lima bulan melalui antibodi dari tubuh ibu yang dipindah kepada bayi dari dalam kandungan," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : SUARA SINAR

Kes batuk kokol tidak seteruk seperti disangka



ANALISIS
MUKA 16

TUAN BUGHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

Hujung minggu lalu, satu kenyataan media oleh Ketua Pengarah Kesihatan Pahang, Dr Nor Azimi Yunus dikeluarkan berhubung kes jangkitan Pertussis atau dikenali sebagai batuk kokol.

Bagaimanapun, ia menjadi tular selepas ada pihak menjadi 'penambah perisa' menokok tambah sehingga mengganggu ketenteraman awam. Masakan tidak, si penambah perisa itu menyatakan agar tidak mengunjungi Rompin, Pahang kerana dikatakan Pertussis sedang merebak di sana.

Kenyataan salah dan mengelirukan itu pantas tersebar ke seluruh pelosok Malaysia melalui pelbagai aplikasi media sosial. Sebagai individu dalam industri media, saya meneliti maklumat tersebut dengan cermat dan mendapatkan jawapan daripada pihak yang sepatutnya.

Pertussis ialah penyakit cegahan vaksin yang disebabkan oleh bakteria *Bordetella Pertussis* dengan kuman disebarkan melalui udara semasa pesakit bersin atau batuk dan menjangkiti mulut, hidung serta tekak.

Ia boleh dielakkan dengan pemberian imunisasi kepada kanak-kanak pada umur dua, tiga, lima dan 18 bulan. Kanak-kanak yang mendapat pelalian lengkap hanya akan mengalami gejala ringan tanpa risiko komplikasi jika dijangkiti.

Pertussis merupakan batuk yang berpanjangan dalam tempoh hingga dua minggu dan boleh berlarutan sehingga dua bulan. Batuk yang teruk dan berpanjangan itu menyebabkan

pesakit menjadi kebiruan (*cyanosis*) kerana tidak sempat bernafas dan kekurangan oksigen, seterusnya boleh mengakibatkan sawan.

Komplikasi teruk seperti pneumonia (radang paru-paru), *encephalopathy* (radang otak) dan kematian juga boleh berlaku jika tidak mendapat rawatan awal.

Di Malaysia, wabak tersebut berada dalam fasa endemik. Ia bukan baru muncul kerana pada tahun-tahun sebelum pandemik Covid-19 menyerang, wabak itu telah dilaporkan.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr Norhayati Rusli yang saya temui pada Selasa lalu menyatakan, situasi jangkitan Pertussis tidaklah seburuk seperti disebarkan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Malah, Dr Norhayati menasihati semua agar usah bimbang kerana wabak tersebut adalah terkawal. Sebenarnya jangkitan Pertussis bukan hanya berlaku di Rompin, sebaliknya seluruh negara kecuali Perlis yang tiada kes dilaporkan.

Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, sebanyak 329 kes Pertussis melibatkan 23 kematian dilaporkan tahun ini sehingga Sabtu lalu.

Sabah merekodkan bilangan kes tertinggi iaitu sebanyak 181 kes. Daripada jumlah keseluruhan itu, sebanyak 219 kes atau 66.6 peratus melibatkan warganegara, sementara 110 kes (33.4 peratus) lagi melibatkan warga asing.

Bayi berumur 12 bulan ke bawah adalah kumpulan umur yang mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu sebanyak 189 kes.

Oleh itu, jika ada anak-anak yang belum mendapatkan vaksin, ibu bapa

“

Pertussis ialah penyakit cegahan vaksin yang disebabkan oleh bakteria *Bordetella Pertussis* dengan kuman disebarkan melalui udara semasa pesakit bersin atau batuk dan menjangkiti mulut, hidung serta tekak.”

- Dr Nor Azimi Yunus

atau penjaga boleh membawa mereka ke klinik kesihatan terdekat untuk mendapatkan imunisasi lengkap mengikut Jadual Imunisasi Kebangsaan.

Di negara kita, vaksin Pertussis diberikan kepada kanak-kanak secara rutin dalam bentuk vaksin kombinasi enam serangkai iaitu difteria, tetanus, Pertussis, polio, Hepatitis B dan *Haemophilus influenzae type b*.

Selain melindungi kesihatan diri dan keluarga, setiap individu juga perlu bertanggungjawab 'menahan tangan serta mulut' daripada menyebarkan sesuatu yang tidak tepat!

Perlu diingat, sebarang perkongsian kandungan bersifat palsu, jelik dan mengancam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, jika disabit kesalahan boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali.

Sudah ramai pihak yang menyebarkan berita palsu diheret ke mahkamah, adakah anda yang seterusnya?

* Tuan Bughairah Tuan Muhamad Adnan ialah wartawan Sinar Harian

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 29
RUANGAN : DALAM NEGERI

Perketat pengawasan produk makanan laut Jepun

KUALA LUMPUR: Pemeriksaan tahap empat atau pengawasan yang ketat terhadap produk makanan laut berisiko dari Jepun dilihat sebagai satu keperluan bagi mengelak timbul kerisauan dalam kalangan rakyat tempatan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Kesihatan dari Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Zawiah Mansor berkata, perkara itu wajar dilakukan segera bagi menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat Malaysia.

"Bagaimanapun, beberapa langkah yang diambil oleh pihak berkaitan seperti Kementerian Kesihatan (KKM) yang menjalankan pemeriksaan tahap empat atau pengawasan terhadap produk makanan

berisiko tinggi daripada Jepun adalah sebahagian daripada langkah yang tepat untuk memastikan keselamatan makanan dan mengurangkan kerisauan masyarakat.

"Berikutan makluman bahawa air radioaktif terawat yang dilepaskan memenuhi standard dan mendapat kelulusan daripada International Atomic Energy Agency (IAEA), namun, kesan jangka masa panjang terhadap makanan laut akibat pelepasan ini adalah kurang diketahui.

"Ini adalah kerana kemungkinan berlaku proses bioakumulasi iaitu proses pengumpulan bahan pencemar seperti bahan kimia atau radioaktif di dalam hidupan laut akibat pendedahan kepada persekitaran yang mempunyai

pencemaran tersebut dalam tempoh masa panjang.

"Pengambilan makanan laut yang mengandungi bahan kimia atau radioaktif melalui proses bioakumulasi ini secara berterusan ini boleh memberi kesan kesihatan terhadap manusia," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata, Malaysia belum memutuskan untuk melaksanakan sebarang sekatan membatalkan import makanan laut dari Jepun susulan tindakan negara itu melepaskan air radioaktif yang dirawat dari loji nuklear Fukushima ke Lautan Pasifik, bermula kelmarin.

Katanya, keputusan me-

ngenainya hanya akan dibuat selepas keputusan kajian yang dilaksanakan beberapa pihak berkaitan diperolehi.

Dalam pada itu, jelas Dr. Zawiah, selain tindakan kajian dan pemantauan berterusan, penilaian risiko dan komunikasi risiko yang tepat dan pantas kepada masyarakat oleh pihak yang berkaitan adalah sangat penting di dalam menangani isu ini dan mengelakkan panik dalam masyarakat.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, beliau yakin kepimpinan Jepun membuat pemantauan teliti sebelum tindakan pelepasan itu dilakukan.

"Menurut pengetahuan saya

pada masa ini, status keselamatan makanan terutama produk laut seperti ikan terus dipantau secara ketat oleh pemerintah Jepun. Langkah-langkah diambil untuk mengurangi risiko kontaminasi dan memastikan keselamatan makanan yang dikeluarkan dari sana.

"China mengadakan ujian kertas makanan tersebut dan setakat ini, tiada keputusan yang mencurigakan. Tindakan Kerajaan Jepun yang akan melepaskan 1.3 juta tan air terawat dari loji itu menimbulkan kebimbangan, walaupun diluluskan oleh IAEA.

"Kerajaan Malaysia memang bertindak tepat dalam pengawasan makanan dari sana. Jadi kita tak perlu terlalu risau tentang isu ini," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : LETTERS



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION

Drug addicts need treatment not punishment, say two ministers

KUALA LUMPUR: Drug addiction is a chronic disease that requires treatment and rehabilitation, not detention or imprisonment, says Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

She said prison is not a place to treat drug addicts and this can impede them from functioning as productive members of society.

"Prison is not the last resort for educating individuals involved in drug abuse," she said when officiating the Addiction and

Forensic Psychiatry Symposium 2023 here yesterday.

Dr Zaliha said a distinct approach from a public health standpoint was needed to provide treatment and rehabilitation to drug addicts.

She also admitted that there were many gaps and challenges that should be addressed between law enforcement and medical treatment for drug addicts.

In addition to a legal point of view, there were also challenges

in rehabilitation centres, where drug addicts struggle with withdrawal symptoms, or physical and mental illness due to their addiction.

"This poses difficulties in formulating an effective treatment plan ... (and) also prevents appropriate treatment and rehabilitation from being given, while at the same time delaying the legal process.

"As a result, the disease prognosis will worsen and the courts will become more congested," she was

quoted as saying by Bernama.

Dr Zaliha said the legal system and treatment through a community-based approach can be the catalyst for change.

In an immediate response, Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reforms) Datuk Seri Azalina Othman Said tweeted that she wholeheartedly agreed with Dr Zaliha and the Health Ministry's views, that a treatment and rehabilitation approach instead of an imprisonment

approach must be prioritised in handling drug addiction.

"In an effort to treat drug addiction as a medical issue instead of a criminal issue, the Legal Affairs Division is in the midst of studying the establishment of a council to review drug-related laws and existing sentences, and to provide guidelines and promote rehabilitation and restorative based approaches in addressing drug addiction," she posted on X, the platform previously known as Twitter.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NATION

Cut back on sugar or pay the price

Many still ignoring serious health risks brought on by excessively sweet drinks

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: They look nice and taste extremely sweet, but if taken too much, it may affect your health, including losing part of your limbs.

These "potong kaki" beverages have something in common; they are made with excessive use of condensed milk, gula Melaka and concentrated syrups with incredibly high sugar content that can worsen diabetes.

But many still take this health hazard lightly.

Excessively sugary drinks like three-layer iced tea, sirap Bandung, teh ais mengigau, teh ais gula pong with boba, and many more, are still popular among youths during the hot season.

An eatery operator who wanted to remain anonymous said these types of sweet drinks were a favourite among his customers, especially the youth.

"They like sweet drinks with ice, and some of them are kids as young as 10 years old," he said.

Public health expert Datuk Dr



Potong kaki drinks: Three-layer ice tea, sirap Bandung and soft drinks are a favourite of many, especially youths. — CHAN BOON KAI/The Star

Zainal Ariffin Omar said for diabetics, the high intake of sugar through drinks and foods may cause uncontrolled and poorly managed diabetes.

"The consequences of diabetes are damage to the heart, eyes and kidneys, as well as ulcers on the legs, and possibly amputation of the legs.

"Consuming excessive sugary drinks can also lead to other negative health effects, such as being overweight, increased risk of type 2 diabetes and dental problems," he said.

He said it was vital to limit the consumption of sugary drinks like soft drinks, energy drinks, sweetened juices and sports drinks.

"Choose alternatives like plain water, unsweetened tea, infused water or natural fruit juices. It is time to promote plain water as the primary beverage to stay hydrated," he said, adding that young children should be taught to carry a refillable water bottle.

Penang youth and health committee chairman Daniel Gool Zi Sen said despite the introduction of the sugar tax in 2019, Malaysia is still ranked 10th out of 161 nations in terms of sugar consumption per capita.

"Apart from diabetes and diabetic-related diseases, other major effects on sugary drinks consumption include obesity and metabolic syndrome (a combination of conditions like high blood pressure, high triglycerides, high blood sugar and others).

"This increases the likelihood of cardiovascular disease, type 2 diabetes and non-alcoholic fatty liver disease," he said.

He said the total cost to treat diabetes in the country has risen to nearly RM4.4bil each year and this will continue to rise if Malaysians do not practise a good and healthy lifestyle.

"Whatever the diet is, moderation is always the key takeaway for the public to continue a healthy lifestyle," he said.

Meanwhile, Consumers Association of Penang (CAP) has urged Malaysians, especially the youth, to change their lifestyle by limiting the intake of sugar in their diet.

Its president Mohideen Abdul Kader said the majority of youths and children like carbonated drinks, which contain nearly eight teaspoons of sugar.

"The youth are addicted to these drinks because of the sweetness. Sugar is the most harmful additive in food and can bring harm to health.

"It is the one ingredient that has been linked to a host of diseases.

"According to the International Diabetes Federation, as the global per capita consumption of sugar increased over the years, the global prevalence of diabetes also increased progressively.

"Recent studies indicate that sugar also contributes to heart disease, stroke and some cancers," he said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Vaccine combo for expectant mothers

■ BY JOSHUA PURUSHOTMAN
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The Health Ministry will introduce a new initiative to provide a combination of the tetanus-diphtheria-pertussis vaccine to all expectant mothers in the country. The initiative serves to reduce the risk of infection of pertussis, especially among babies under five months.

Its minister Dr Zaliha Mustafa said babies under five months faced the highest risk of contracting pertussis and complications arising from it, such as pneumonia, encephalopathy and death.

"This happens because the antibodies in babies will only achieve the optimum protection levels once they receive three doses of the pertussis vaccine that is given under the National Immunisation Programme upon reaching five months."

Zaliha said as of Aug 23, 342 cases of pertussis involving 24 deaths had been reported nationwide, and of the cases, 173 (50.4%) involved babies below five months while of the deaths, 19 were babies below five months.

"The vaccine given to expectant mothers will transfer antibodies to the unborn child and protect them until they are delivered, and (the babies) will receive the three vaccine doses at the age of five months."

Zaliha added that the vaccine would protect babies below the age of five months against pertussis.

She said the new initiative involves an annual allocation of RM25 million and covers 500,000 expectant mothers nationwide each year.

Once implemented, all expectant mothers, including foreign nationals in the country, will be administered with a single dose of the vaccine in their second trimester or when in their 13th to 36th week of pregnancy.

The vaccines will be administered for free at all primary health facilities in the country.

Zaliha said implementation of the vaccination programme would begin next year as soon as stocks of the vaccine are available at all primary health facilities.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : SPEAK UP

COMMENT by Prof Dr Jamiyah Hassan

Preventing infant deaths

I COMMEND the Health Ministry for its recent decision to include the three-in-one Tetanus-diphtheria-pertussis (Tdap) vaccine into the public vaccination programme for expectant mothers. This move is essential, given the increasing incidence of pertussis cases in Malaysia, especially in Rompin and Alor Gajah.

As a strong advocate for maternal immunisation, I find it reassuring that the ministry is taking such a proactive step. This initiative will help reduce the risk of vaccine-preventable diseases in newborns and promote the overall health of children across Malaysia.

While there has been significant worldwide progress in reducing childhood mortality since 1990 as part of the United Nations Sustainable Development Goals, which aim to eradicate preventable deaths among newborns and children under five by 2030, there has been a noticeable deceleration in the improvements in survival rates since 2010, especially in neonatal mortality, which pertains to the death of a newborn within the first 28 days of life.

Each day, around 6,400 newborns lose their lives, and nearly 47% of child fatalities occur among those under the age of five. In Malaysia, the neonatal mortality rate in 2021 was at 4.1 per 1,000 live births, marking an increase from the 3.9 rate observed in 2020.

We need to improve the newborn survival rate, especially given that vaccine-preventable infections have been identified as significant contributors to neonatal mortality.

Nevertheless, various challenges arise when it comes to safeguarding infants younger than three months of age, who are too young to receive vaccinations, especially diseases such as pertussis.

Prioritising maternal immunisation

To address this issue, maternal immunisation seems to be one of the most effective solutions as this approach is already widely practised in many developed countries, and is a proven method to prevent illnesses and save lives.

When a mother receives vaccinations during pregnancy, she achieves dual advantages: boosting her immunity and providing protection for her unborn child.

The antibodies in the mother's body are transferred to the baby through the placenta, protecting the baby during

birth and shielding the child for several months until the baby receives his vaccinations.

This intervention can benefit the mother and her child. This initiative represents a significant milestone in public health by providing mothers with protection at a time when they need it most.

In Malaysia, maternal Tetanus Toxoid (TT) vaccination is already part of the public programme for expectant mothers. However, we must remain vigilant and continue to enhance our strategies to address any emerging cases of vaccine-preventable diseases.

Pertussis, a rising concern

The World Health Organisation's (WHO) Expanded Programme on Immunisation initially succeeded in reducing pertussis cases worldwide, but the disease is making a resurgence due to factors, such as declining immunity and instances of vaccine refusal or delay.

There is a concerning prevalence of neonatal pertussis cases within Southeast Asia, especially among infants under three months, leading to mortality rates ranging from 5.6% to 14.7% in the region, and this vulnerable age group faces a higher risk of severe illnesses and requiring hospitalisation.

In Malaysia, there has been a consistent rise in pertussis cases over the past two decades, with vaccine refusal rates escalating from 600 in 2013 to 1,600 in 2016. Authorities suspect higher actual incidence due to undetected or unreported cases.

Pertussis presents differently in adolescents and adults compared with infants, and is often underdiagnosed. While they may be carriers of the infection, they can unknowingly transmit it to infants, leading to severe consequences.

As of Aug 19, there has been a total of 329 cases of pertussis nationwide this year, resulting in 23 deaths. And 189 of these cases or 57.4%, involve infants under 12 months of age.

A recent year-long study conducted across multiple hospitals revealed that a significant 89.3% of confirmed pertussis cases were observed in infants, who were either too young to be fully vaccinated or were under-vaccinated for their age.

These figures indicate that childhood diseases, such as pertussis, are difficult to eliminate. It is crucial to also recognise the emotional stress and



Numerous studies have found that immunity from maternal immunisation has the most significant effect in preventing Pertussis among newborns.

—BERNAMAPIC

"Timely infant vaccination to avert vaccine-preventable infectious diseases cannot be stressed enough, and maternal immunisation is an important measure to curb infections, such as pertussis."

financial strain that parents and families endure when their infants become seriously ill.

Timely infant vaccination to avert vaccine-preventable infectious diseases cannot be stressed enough, and maternal immunisation is an important measure to curb infections, such as pertussis.

Safeguarding our infants

Numerous studies have found that immunity from maternal immunisation has the most significant effect in preventing pertussis among newborns.

Despite the benefits and WHO's recommendation to consider the Tdap vaccination for pregnant women, many countries in Southeast Asia continue to recommend the TT vaccine for pregnant women or women of childbearing age.

Our neighbouring country Singapore has already incorporated the Tdap vaccination into its healthcare programme for expectant mothers, and it would be prudent for us to take a similar approach.

In Malaysia, a significant number of women are not receiving maternal vaccinations due to various factors, including limited awareness, vaccine hesitancy, safety apprehensions and financial constraints.

Currently, the utilisation of the Tdap vaccine in Malaysia is mainly in the private healthcare and relies on individual doctors' recommendations.

I am a strong advocate of vaccinations and as of 2021, we have introduced the Tdap vaccine for

expectant mothers at Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam, replacing the TT vaccine.

We are the first public hospital to provide the Tdap vaccine, along with comprehensive counselling, leading to more mothers being vaccinated despite the cost of the vaccine.

The confidence healthcare providers have in vaccines, their capacity to address misinformation and the availability of vaccines on-site play pivotal roles in improving vaccination rates among pregnant women in Malaysia.

Therefore, I urge my peers to engage in discussions with their patients and recommend maternal immunisation to increase awareness of this life-saving measure.

I appeal to the ministry to continue its efforts in strengthening the maternal immunisation initiative.

Through collaboration, we can prioritise newborn health and bridge the gap in protection during a baby's early months of life and after, thus bringing Malaysia closer to attaining the SDG targets by 2030.

By uniting our efforts, we can collectively forge a healthier future for the children of our nation.

The writer is a consultant of Fetomaternal Medicine, Department of Obstetrics and Gynaecology at Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam. Comments: letters@theusdaily.com